



**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 32

AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67

Dicetak oleh Ketua Pengarah Percetakan Negara, Kuala Lumpur, dengan kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah seksyen 14 Akta Penyemak Undang-Undang 1968 (Akta 1) dan mengandungi undang-undang terpinda sebagaimana berkuat kuasa pada 15hb Julai 1983

DICETAK OLEH MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, J.S.D., S.M.T., K.M.N., P.I.S.,
KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
1983

Menyatukan –

Akta No. 10 Tahun 1963 yang dikanunkan dalam Tahun 1963;

dan

Akta No. 7 Tahun 1967 yang dikanunkan dalam Tahun 1967.

Disemak dalam Tahun 1971 dan disiarkan sebagai Akta 32.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 32

AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa.
2. Bahasa kebangsaan digunakan bagi maksud-maksud rasmi.
3. Menggunakan terjemahan.
4. Penggunaan bahasa Inggeris boleh dibenarkan dilanjutkan.
5. Penggunaan bahasa Inggeris boleh dibenarkan dalam Parlimen dan Dewan Undangan.
6. Teks yang sah bagi undang-undang.
7. Undang-undang bertulis yang dikanunkan sebelum 1-9-1967.
8. Bahasa mahkamah.
9. Tulisan bagi bahasa kebangsaan.
10. Bentuk angka.
11. Borang.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA
Akta 32
AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67

Suatu Akta bagi menyatukan undang-undang berhubung
dengan penggunaan bahasa kebangsaan.

[Seksyen 9 hingga 11 – 11hb April 1963;
Yang lain-lain – 1hb September 1967.]

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), dipakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Pihak-Pihak Berkuasa Negeri masing-masing, melalui enakmen Badan Perundangan Negeri masing-masing dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini di Negeri-Negeri itu.

*[Akta 7/67,s.11]

2. Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perindungan yang terkandung dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain dalam Malaysia bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi.

[Akta 7/67,s.2]

3. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak Kerajaan mana-mana Negeri untuk menggunakan apa-apa terjemahan bagi dokumen-dokumen atau perutusan-perutusan rasmi dalam mana-mana bahasa lain bagi apa-apa maksud yang difikirkan perlu demi kepentingan awam.

[Akta 7/67,s.3]

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat-kuasa.
[Pin. Akta A554.]

Bahasa kebangsaan digunakan bagi maksud-maksud rasmi.

Menggunakan terjemahan.

* Nombor yang terkandung dalam kandungan empat segi di hujung sesuatu seksyen menunjukkan nombor seksyen dalam undang-undang sebelum daripada cetakan ini.

Penggunaan bahasa Inggeris boleh dibenarkan dilanjutkan.

4. Yang di-Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dilanjutkan bagi apa-apa maksud rasmi sebagaimana yang difikirkan patut.

[Akta 7/67,s.4]

Penggunaan bahasa Inggeris boleh dibenarkan dalam Parlimen dan Dewan Undangan. [Pin. Akta A554]

5. Yang Dipertua Dewan Negara, Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Yang Dipertua mana-mana Dewan Undangan Negeri, atau seseorang lain yang pada masa itu menjalankan fungsi mana-mana jawatan itu, boleh membenarkan seseorang anggota mana-mana satu Majlis Parlimen atau seseorang anggota Dewan Undangan menggunakan bahasa Inggeris apabila membuat ucapan, atau pun apabila mengambil bahagian dalam kerja, Majlis Parlimen atau Dewan Undangan itu, mengikut mana yang berkenaan.

[Akta 7/67,s.5]

Teks yang sah bagi undang-undang

6. Teks -

- (a) bagi segala Rang Undang-Undang yang akan dikemukakan atau pindaan-pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (b) bagi segala Akta Parlimen dan segala perundangan kecil yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) bagi segala Enakmen dan perundangan kecil yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan
- (d) bagi segala Ordinan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong,

hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris, dan teks dalam bahasa kebangsaan itu adalah sah melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana undang-undang atau jenis undang-undang yang tertentu.

[Akta 7/67,s.6]

Undang-Undang bertulis yang dikanunkan sebelum 1-9-1967

7. (1) Jika mana-mana undang-undang bertulis yang dikanunkan sebelum satu hari bulan September 1967 telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, maka Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan terjemahan undang-undang itu sebagai sah.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 6 boleh dipakai bagi pindaan kepada mana-mana undang-undang bertulis yang dikanunkan sebelum satu hari bulan September 1967, sehingga undang-undang bertulis itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan terjemahan itu telah ditetapkan sebagai sah.

[Akta 7/67,s.71]

8. Segala prosiding (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris atau sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris;

Bahasa mahkamah.

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) dijalankan sama ada kesemuanya dalam bahasa kebangsaan atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris.

[Akta 7/67, s.8]

9. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi : dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan.

Tulisan bagi bahasa Kebangsaan.

[Akta 10/63, s. 2]

10. Bentuk angka dalam bahasa kebangsaan ialah bentuk angka Arab.

Bentuk angka.

[Akta 10/63, s. 3]

11. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata, apabila sesuatu borang dalam bahasa Inggeris ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis maka terjemahan borang itu dalam bahasa kebangsaan oleh orang atau pihak berkuasa yang ditetapkan dari semasa ke semasa dengan perintah oleh Perdana Menteri boleh digunakan bagi segala maksud yang borang itu boleh digunakan jika ia dalam bahasa Inggeris.

Borang.

[Akta 10/63, s. 5]

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 32

AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda
Akta A554 ...

Tajuk ringkas
Akta Bahasa Kebangsaan
(Pindaan dan Perluasan) 1983

Berkuat kuasa
dari
13-5-1983